



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (82)

SIARAN MEDIA

RUNDINGAN TEKNIKAL MALAYSIA-THAILAND BUKA LALUAN PERDAGANGAN SIAKAP DAN UDANG YANG LEBIH SEIMBANG

PUTRAJAYA, 10 Julai 2026 – Malaysia dan Thailand terus mempergiat rundingan teknikal melalui saluran rasmi antara pihak berkuasa kompeten (Competent Authority – CA) kedua-dua negara bagi menyelesaikan isu perdagangan siakap dan udang secara konstruktif, berlandaskan prinsip perdagangan yang adil, bukti saintifik serta pematuhan kepada langkah Sanitary and Phytosanitary (SPS).

Dato' Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan berkata, rundingan yang sedang berlangsung memberi tumpuan kepada usaha memperhalusi keperluan teknikal bagi memudahkan cara perdagangan tanpa menjejaskan aspek biosekuriti, keselamatan makanan dan kesihatan haiwan akuatik.

"Malaysia melihat proses ini sebagai penyelarasan teknikal antara pihak berkuasa kompeten kedua-dua negara, bukannya pertikaian perdagangan. Pendekatan yang diambil adalah berasaskan sains, pengurusan risiko dan kepentingan bersama bagi memastikan hubungan perdagangan perikanan terus berkembang secara adil, telus dan saling menguntungkan," katanya.

Bagi perdagangan udang, Malaysia telah melengkapkan penilaian awal terhadap maklumat yang dikemukakan oleh Thailand dan mengemukakan 35 soalan teknikal bagi mendapatkan penjelasan lanjut sebelum penilaian risiko dimuktamadkan. Bagi perdagangan siakap pula, kedua-dua negara sedang memperhalusi beberapa keperluan import termasuk aspek pensijilan, keselamatan makanan dan pengurusan risiko bagi memudahkan cara perdagangan.

Dalam rundingan tersebut, Malaysia turut mengemukakan beberapa cadangan bagi memperkukuh kerjasama teknikal, termasuk penyelarasan keperluan pensijilan, pengukuhan sistem kebolehesanan (traceability), perkongsian data saintifik serta mekanisme pemeriksaan yang lebih berasaskan risiko. Malaysia juga berharap pendekatan tersebut dapat membuka ruang kepada semakan semula keperluan pensampelan 100 peratus terhadap pengeksport siakap yang mempunyai rekod pematuhan yang baik serta penerokaan mekanisme seperti green lane bagi ladang yang memenuhi standard keselamatan makanan dan biosekuriti.

Pada masa yang sama, Malaysia berharap isu sekatan import udang Malaysia ke Thailand yang berkuat kuasa sejak tahun 2017 dapat diselesaikan melalui pendekatan teknikal yang sama, sekali gus mewujudkan akses pasaran yang lebih seimbang kepada industri akuakultur kedua-dua negara.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

"Setiap keputusan yang diambil Malaysia adalah berasaskan penilaian risiko saintifik dan piawaian antarabangsa. Sebaik sahaja semua maklumat teknikal yang diperlukan diterima, proses penilaian akan dimuktamadkan dengan kadar segera bagi menyokong kelancaran perdagangan serta melindungi kepentingan industri akuakultur negara," katanya.

Kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan akses pasaran eksport dapat diperkukuh, di samping membantu pengusaha meningkatkan patuhan terhadap standard eksport, sistem kebolehkesanan dan amalan biosekuriti bagi memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.

Thailand merupakan antara pasaran utama eksport siakap Malaysia dengan nilai perdagangan dua hala mencecah RM92.6 juta melibatkan 9,286 tan metrik pada tahun 2024, manakala sehingga tahun 2025 nilai perdagangan yang direkodkan berjumlah RM42.6 juta melibatkan 4,320 tan metrik. Malaysia yakin kerjasama erat antara pihak berkuasa kompeten kedua-dua negara akan terus memperkukuh hubungan perdagangan perikanan yang stabil, berasaskan risiko dan saling menguntungkan dalam jangka panjang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan